

RAILS

MENGUNGGLI PENGURUSAN ASET KERETA API NEGARA

RAC NEWSLETTER 2022/1

PERUTUSAN PENGURUS BESAR RAC

Salam sejahtera kepada warga RAC yang saya hormati,

Pertama sekali saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022. Semoga tahun ini memberi satu sinar baharu kepada kehidupan kita semua terutama dalam membantu RAC melaksanakan proses Transformasi dengan lebih jayanya!

Tujuan newsletter RAILS ini diwujudkan adalah untuk memberi maklumat yang terkini berkaitan dengan dasar & halatuju baharu, perkhidmatan, operasi, pentadbiran & lain-lain perkara di RAC untuk makluman dan perhatian warga kerja sekalian secara ringkas.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhammad, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan yang telah dilantik semula dan disambung perkhidmatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC oleh YB Menteri Pengangkutan berkuatkuasa mulai 18 Disember 2021 hingga 17 Disember 2022.



ADAM BIN ABU HANIPAH
PENGURUS BESAR RAC



RAILS

Mulai 2022, RAC telah memperkenal dan melaksanakan Nilai Teras yang dikenali sebagai RAILS. Nilai teras ini merupakan panduan kepada asas dan prinsip yang akan membina budaya kerja di RAC pada masa hadapan. Singkatan RAILS membawa maksud berikut:

- R: Respect;
- A: Accountability;
- I : Integrity;
- L: Leadership; and
- S: Service Excellence

Saya menyeru semua warga kerja RAC agar dapat menyemai Nilai Teras RAILS ini dalam usaha menjayakan proses Transformasi yang kini sedang giat dijalankan.

NILAI TERAS



PERPUSTAKAAN MINI

Perpustakaan Mini RAC ini disediakan sebagai satu daripada Program Tanggungjawab Sosial Korporat RAC. Mula dibuka pada 17 Januari 2022, ia dilengkapi dengan pelbagai bahan bacaan bergenre *santai* bagi mengisi masa lapang pengguna pengangkutan rel di Stesen Butterworth, Pulau Pinang. Perpustakaan ini merupakan yang kedua diwujudkan selepas di Stesen Keretapi Dabong, Kelantan. Program seumpama ini akan terus dikembangkan ke stesen-stesen kereta api yang lain pada masa hadapan.



SUMBER MANUSIA

RAC juga telah melaksanakan urusan pusingan kerja dalaman berkuatkuasa 3 Januari 2022. Seramai 13 pegawai telah terlibat dalam pusingan kerja tersebut melibatkan beberapa Bahagian dan Unit di RAC bertujuan untuk memperkaya dan memperluaskan tugas (*job enrichment and job enlargement*) pegawai.

MENARA RAC SENTRAL

Status Kemajuan Pembinaan Menara RAC Sentral di atas tanah milik RAC Lot PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambathan, Brickfields, Kuala Lumpur telah mencapai 89.5 peratus sehingga bulan Januari 2022.


Menara RAC Sentral setinggi 30 tingkat ini apabila siap kelak akan merangkumi ruangan pejabat, *food gallery*, ruangan komersial, kawasan landskap dan tempat letak kereta dengan nilai projek pembinaan berjumlah RM125 juta keseluruhannya.

Kerja-kerja pembinaan Menara RAC Sentral telah bermula pada 26 Ogos 2019 dan dijangka siap pada 4 Disember 2022 berdasarkan tarikh siap baharu yg telah diluluskan.



PEMBANGUNAN IPOH SENTRAL

KOLABORASI DI ANTARA PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) DAN PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK (SSI PERAK) BAGI PEMBANGUNAN HARTANAH IPOH SENTRAL, PERAK DARUL RIDZUAN



GAMBAR DI ATAS UNTUK TUJUAN ILLUSTRASI SAHAJA

MOU

Pada 30 Ogos 2021, satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding, MoU*) di antara RAC dan SSI telah diadakan secara atas talian bagi memperkuatkannya Kolaborasi Pembangunan Berkonsepkan Transit Oriented Development (TOD). Majlis tersebut telah disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah RAC iaitu YBhg. Datuk Isham bin Ishak manakala YBhg. Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip mewakili Ahli Lembaga Pengarah SSI Perak.



MOA

Lanjutan daripada itu, satu Memorandum Perjanjian (*Memorandum of Agreement, MoA*) telah dijadualkan untuk ditandatangani pada 3 Mac 2022.



Struktur kolaborasi antara RAC dan SSI Perak yang dicadangkan dalam MoA adalah dengan penubuhan anak syarikat yang diperbadankan (*incorporated Joint Venture Company, JV Co.*), dengan perkongsian hasil pulangan sebanyak 50:50.

Anggaran jumlah Gross Development Value (GDV) bagi cadangan pembangunan Ipoh Sentral adalah sebanyak RM4,787,429,391.36 dengan keluasan tapak pembangunan di atas tanah milik RAC berkeluasan hampir 65 ekar.

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

STESEN KERETAPI LAMA KUALA LUMPUR (KLO STATION),
TAPAK CHAN SOW LIN DAN AMPANG, KUALA LUMPUR



STESEN KLO

KLO Station adalah sebuah bangunan ikonik kepada RAC dan negara Malaysia.

Bagi meningkatkan imej bangunan dan stesen KLO tersebut, RAC telah merancang pembangunan bercirikan sejarah melalui kerjasama dengan syarikat GDP Architects Sdn Bhd melalui kaedah RFP Antarabangsa yang dijangka mula dilaksanakan pada Suku Ke-2 Tahun 2022.

Adalah dijangkakan melalui kaedah RFP Antarabangsa tersebut, RAC dan negara Malaysia akan lebih dikenali di peringkat antarabangsa selain akan mendapat cadangan pembangunan yang lebih baik bagi pembangunan tapak sejarah ini daripada pemain-pemain industri yg berkaliber di peringkat antarabangsa.

Cadangan RFP juga telah dilaksanakan ke atas tapak tanah milik RAC di Jalan Chan Sow Lin dan Ampang, Kuala Lumpur mulai 28 Januari 2022 sehingga 18hb Februari 2022. Melalui RFP ini, RAC dijangka akan dapat mempertimbangkan cadangan pembangunan serta pulangan yang terbaik bagi kedua-dua tapak tanah milik RAC yang terlibat tersebut kelak.



BAHAGIAN KOMERSIAL

HASIL PENDAPATAN

Pendapatan RAC secara dasarnya adalah melalui aktiviti sewaan/pajakan tanah dan tumpang lalu ke atas aset-aset milik RAC. Antara aktiviti sewaan yang kerap diberikan adalah sewaan tapak kepada individu, sewaan tapak bagi pengurusan tempat letak kereta, sewaan bangunan, gudang, pengiklanan luar, pembinaan menara pemancar telekomunikasi, yad, kuarters, dan ruang niaga di dalam stesen-stesen keretapi (contohnya kiosk, pushcarts dan vending machine). Hasil pendapatan RAC bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM31 juta (sebelum diaudit).

PROJEK INFRASTRUKTUR GENTIAN EON



Majlis menandatangani *Memorandum of Understanding* (MOU) antara RAC dengan syarikat MyISP Dot Com Sdn. Bhd. telah diadakan pada 17 Disember 2021.



Tujuan MOU ini adalah bagi memantapkan lagi infrastruktur sedia ada fiber iaitu dengan mewujudkan 'Express Optical Network' (EON) sebagai tulang belakang gentian nasional baharu bagi memenuhi permintaan dan menggalakkan pelaburan dalam ekonomi digital. Adalah dijangkakan perjanjian MOA yang seterusnya akan dapat dimuktamadkan dalam tempoh tidak lama lagi.



RAC RENEWABLE ENERGY

SKIM NET ENERGY METERING (NEM)

Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memperkenalkan Inisiatif *Renewable Energy Independent Power Producer* (REIPP) bagi Industri Pengangkutan Darat bagi tujuan membantu pengendali rel ke arah mengurangkan kos operasi akibat bebanan kos elektrik yang tinggi serta menggalakkan eko sistem pengangkutan hijau.

Sehubungan dengan itu, RAC telah membangunkan dan melaksanakan *Energy Management and Renewable Energy Action Plan* melalui penyertaan dalam skim *Net Energy Metering* (NEM). NEM adalah konsep di mana tenaga yang dihasilkan daripada pemasangan sistem *Solar Photovoltaics* (PV) di bumbung stesen milik RAC akan digunakan terlebih dahulu dan selebihnya akan dieksport ke grid Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan dikreditkan semula untuk offset bil elektrik pengguna akan datang.

Pada 1 Dis 2021, RAC telah melantik rakan strategik untuk melaksanakan projek pemasangan solar PV di 48 stesen, depoh dan kawasan *park and ride*. Seterusnya rakan strategik yang telah dilantik akan membuat permohonan kuota NEM NOVA melalui *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) dan proses permohonan dan pemasangan solar PV panel ini akan mengambil masa 6-12 bulan.

Pada 12 Januari 2022, lawatan ke *Solar Farm Kuala Lumpur International Airport* (KLIA) telah diadakan bagi tujuan untuk mendapatkan perkongsian maklumat daripada pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan melawat sistem REIPP di MAHB agar proses dan kejayaan inisiatif ini dapat dimanfaatkan oleh industri pengangkutan awam darat, khususnya sektor rel.



LOKASI SOLAR FARM MAHB SELUAS 260,000M² YANG MAMPU MENJANA 10MWP TENAGA ELEKTRIK



SOLAR BOX DAN INVERTER



PENYEWAAN TRACK MACHINES

TUJUH UNIT JENTERA LANDASAN KEPADA SYARIKAT SIPP-YTL JV



UNIT JENTERA JENIS DUOMATIC 09-32 CSM

Satu sesi pemeriksaan bagi penyerahan tujuh (7) unit jentera landasan *Track Machines* kepada syarikat SIPP-YTL JV di bawah Perjanjian Penyewaan *Track Machines* telah diadakan pada 28 Januari 2022 bertempat di Depoh Batu Anam, Segamat, Johor. *Track Machines* yang terlibat adalah terdiri daripada 3 unit *Ballast Regulator*, 2 unit *Duomatic Tamping Machine*, 1 unit *Unimat Tamping Machine* dan 1 unit *Rail Profiling Machine*.

Semasa sesi pemeriksaan tersebut, pihak RAC telah diberikan penerangan lengkap oleh pihak SIPP-YTL JV selaku kontraktar utama projek dan berpuas hati dengan keadaan jentera tersebut yang memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

Pembelian tujuh (7) unit jentera landasan ini adalah melalui pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan telah diserahkan kepada RAC secara berperingkat.

Perjanjian penyewaan ini telah berjaya dimetrai pada 17 Januari 2022 hasil daripada beberapa siri perbincangan di antara RAC dan SIPP-YTL JV. Melalui inisiatif ini, aset keretapi yang dimiliki oleh RAC dapat digunakan secara optimum seterusnya membantu melancarkan pembinaan projek.

Penyewaan jentera landasan ini juga merupakan satu *breakthrough* di dalam sejarah penubuhan RAC di mana buat pertama kalinya RAC berjaya menambah punca hasil yang baharu melalui penyewaan aset jentera landasan.



MANGSA BANJIR

MISI #DARURATSELANGOR

Pasukan sukarelawan Misi Banjir #DaruratSelangor telah ditubuhkan lanjutan daripada KEPERIHATINAN warga kerja RAC dengan nasib 11 kakitangannya yang terkesan akibat banjir kilat yang telah berlaku di Selangor pada bulan Disember 2021 yang lalu.

Melalui kerjasama Kelab Sosial dan Kebajikan Perbadanan Aset Keretapi (KSKPAK), peruntukan berjumlah RM50,000 telah disalurkan oleh RAC untuk melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat bagi membantu kakitangan dan mangsa-mangsa banjir lain yang terlibat.

Sebanyak lima (5) Program CSR melibatkan pembersihan kediaman kakitangan RAC, rumah-rumah ibadat, dewan orang ramai, kawasan kejiran dan juga penyampaian sumbangan barang keperluan dan asasi yang telah disempurnakan.

Pasukan Misi Banjir #DaruratSelangor juga telah menyumbang khidmat bakti dengan bergotong royong membersihkan rumah kakitangannya di Taman Sri Nanding dan Taman Desa Raya di Hulu Langat, Kampung Bukit Lanchong, Shah Alam, serta membantu penduduk sekitar kawasan kejiran termasuk Surau Al-Hidayah di Taman Desa Raya.

Selain membersihkan rumah warga RAC, pasukan ini juga menyertai Program Amal Membantu Mangsa Banjir yang diadakan bersama-sama Kementerian Pengangkutan dan MIMA di Kg Benus/Chegar Medang, Bentong. Secara keseluruhannya, seramai 52 warga RAC telah menyertai misi yang diadakan selama dua hari tersebut.

Gerak kerja Pasukan Misi Banjir #DaruratSelangor adalah seperti berikut:

22/12/2021 - DENGKIL, SELANGOR

23/12/2021 - HULU LANGAT, SELANGOR

24/12/2021 - HULU LANGAT & BKT LANCHONG

31/12/2021 - BENTONG, PAHANG

7/1/2022 - PENYAMPAIAN SUMBANGAN



PENUTUP

Bagi mengakhiri perutusan saya ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga RAC yang terlibat dalam Misi Banjir #DaruratSelangor yang telah berganding bahu membantu mangsa-mangsa banjir terlibat. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC terutamanya YBhg. Datuk Pengerusi Lembaga Pengarah RAC yang telah banyak memberikan sokongan di dalam memastikan usaha-usaha Transformasi di RAC berjaya dilaksanakan.

Akhir kata, Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina 2022 kepada seluruh masyarakat berketurunan Cina di negara ini. Semoga Tahun Harimau ini disambut dengan iltizam baharu untuk bekerjasama demi kejayaan, kesejahteraan dan kemakmuran bersama. Saya ingin menasihatkan kepada semua warga RAC di dalam kegembiraan kita meraikan perayaan dan percutian ini supaya untuk terus kekal mengamalkan SOP COVID-19 yang telah dikuatkuasakan memandangkan negara kita masih diancam dengan penularan wabak Covid-19. Semoga perayaan ini disambut meriah bersama keluarga dan teman yang dikasihi.

Saya akhiri kata-kata saya kali ini dengan seungkap pantun:

Dari Stesen Padang Besar ke Kempas Baru,
Beli suasa di Kota Tinggi;
Varian Omicron virus yang baru,
Jangan buat kes naik lagi.

Gong Xi Fa Chai!

Sekian.

Wassalam,



ADAM BIN ABU HANIPAH
PENGURUS BESAR RAC

